


MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

BERTARIKH : 25 JUN 2025 (SELASA)
TEMPAT : DEWAN BESAR,
FELCRA BERHAD BANDAR SEBERANG PERAK,
369000 KG. GAJAH, PERAK DARUL RIDZUAN.



KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD

**KOPERASI PESERTA - PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD**

LOT 4217, COOP BUSINESS CENTRE,
LEBUH PADUKA, FELCRA BANDAR SEBERANG PERAK
36800 KAMPUNG GAJAH, PERAK
TEL : 05-655 8101
FAX : 05-655 8100
WEB : www.coopseberangperak.com.my
EMAIL : admin@coopseberangperak.com.my



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 38 KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

Pada : 24 Jun 2025 (Selasa)
Masa : 8.00 Pagi
Tempat : Dewan Besar,
FELCRA Berhad Bandar Seberang Perak,
36800 Kg. Gajah, Perak Darul Ridzuan.

A. KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2024/2025

1. En. Shamsuddin B. Yusof, PPT. (0655)
Pengerusi
2. En. Sallehuddin B. Abdullah (0477)
Setiausaha
3. En. Mohamed Annuar B. Shuib (0210)
Bendahari
4. En. Abd Razak B. Hj. Mokhtar (A0200)
Anggota Lembaga
5. En. Othman Ali B. Mohd Hashim (1071)
Anggota Lembaga
6. En. Abdul Shukor B. Napiah (1330)
Anggota Lembaga
7. Tn. Hj. Zaman Huri B. Hj. Karim (0948)
Anggota Lembaga
8. En. Mohamad Khairi B. Ngah (1862)
Anggota Lembaga
9. Tn. Hj. Baharim B. Shamplo (1356)
Anggota Lembaga
10. En. Mat Salleh B. Abdul Rahim, PPT. (A0007)
Anggota Lembaga
11. En. Rostam B. Yahya (0004)
Anggota Lembaga
12. En. Mohd Azhar B. Suleiman (A0037)
Anggota Lembaga

B. KEHADIRAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2024/2025

1. En. Mat Noordin B. Ithnin (0803)
Ketua Audit Dalaman
2. En. Samsuri B. Ibrahim (A0015)
Penolong JKAD
3. En. Omar Baki B. Din (0084)
AJK Audit Dalam

C. KEHADIRAN PENGURUSAN / ANGGOTA KOPERASI

1. Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop, AMP., PPT. (A0006)
Pengurus Besar Koperasi
2. En. Mohd Faizal B. Ahmad Norrahma (S0004)
Pengurus Pembangunan Niaga & Trading
3. Pn. Nur Izzati Syazwani Bt Hj. Zol Kepli (A0098)
Pengurus Kewangan & Hal Ehwal Anggota
4. En. Ibrahim B. Rabia'i (S0020)
Pengurus Projek Pertanian dan Kejenteraan
5. En. Muhammad Nazarin B. Ramlan (A0172)
Eksekutif Kanan Pentadbiran
6. Pn. Khairus Bt Abu Shaaid (S0008)
Pencatat Minit.

D. KEHADIRAN ANGGOTA-ANGGOTA BIASA KOPERASI

1. Anggota biasa hadir seramai 854 orang (Senarai nama seperti di lampiran).
2. Anggota Berjawatan dan Pengurusan Kanan Koperasi hadir seramai 21 orang.
3. Jumlah kehadiran anggota keseluruhan seramai 875 orang.
4. Anggota tidak hadir seramai 940 orang.
5. Jumlah keseluruhan anggota koperasi seramai 1,815 orang.

E. TURUT HADIR

1. Tuan M Zaiful Anuar B. Zulkifli
Pengarah Negeri FELCRA Berhad Negeri Perak
2. En. Rosni B. Saidin
Penolong Pengarah Negeri FELCRA Berhad Seberang Perak Merangkap
Yang Dipertua Koperasi
3. En. Mohd Amirudin B. Kesmiran
Ketua Penolong Pegawai Daerah Kg. Gajah, Perak
4. Pn. Rozlizawati Bt Mohd Adnan
Wakil Penolong Pengarah Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Wilayah Hilir Perak
5. Pn. Fadzilah Bt Arshad
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri
Perak.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

1.0 UCAPAN Pengerusi Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan.

- i. Pengerusi Majlis, En. Muhammad Khairi B. Roslan mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua anggota koperasi dan tetamu jemputan ke Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 yang diadakan di Dewan Besar, FELCRA Berhad Bandar Seberang Perak, Kg. Gajah.
- ii. Beliau memaklumkan Aturcara Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 adalah seperti berikut :
 - a) Sesi Pendaftaran kehadiran sehingga jam 10.00 pagi.
 - b) Majlis Perasmian bermula pada jam 9.30 pagi.
 - c) Mesyuarat Agung bermula jam 11.20 pagi.
- iii. Majlis diteruskan lagi dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Amir Hassan B. Razali, Imam Masjid Al-Ansar FELCRA Bandar Seberang Perak.
- iv. Seterusnya dijemput Pengerusi Koperasi, En. Shamsuddin B. Yusof memberikan ucapan.

2.0 UCAPAN Pengerusi Koperasi.

- i. Pengerusi Koperasi, En. Shamsuddin B. Yusof (0655) mengucapkan salam, mengalu-alukan kehadiran tetamu jemputan, semua anggota koperasi dan memulakan ucapan.
- ii. Beliau memaklumkan prestasi koperasi bagi tahun 2024 mencatatkan kenaikan berbanding tahun 2023 iaitu nilai urusan niaga sebanyak RM43 juta berbanding tahun 2023 iaitu sebanyak RM35 juta.

Manakala keuntungan bersih tahun 2024 mencatatkan kenaikan iaitu keuntungan sebanyak RM1.61 juta berbanding dengan tahun 2023 sebanyak RM1.09 juta.

Bagi kewangan berakhir 31 Disember 2024, Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan bayaran dividen pada kadar 5%. Namun demikian, Anggota Lembaga Koperasi berhasrat dan bersepakat memberi tambahan dividen menjadikan kadar dividen terkini iaitu 7.5% dan jumlah bayaran dividen sebanyak RM347,677.50.

- iii. Koperasi berharap pengurusan FELCRA Berhad dapat terus kekal memberi kepercayaan dan peluang kepada koperasi bagi melaksanakan kerja-kerja kontrak di dalam dan luar kawasan aktiviti koperasi.
- iv. Pada kesempatan kali ini, pihak koperasi merayu dan mohon Pengarah Negeri FELCRA Berhad Perak memanjangkan kepada Ibu Pejabat agar Projek Infra Sawah (Tersier) di kawasan estet Padi FELCRA Berhad Seberang Perak dikembalikan kepada koperasi walaupun hanya sebahagian. Dimaklumkan bahawa koperasi telah 2 tahun tidak dapat anugerah pelaksanaan Projek Infra Sawah (Tersier) tersebut.
- v. Koperasi memerlukan peruntukan sejumlah RM1.5 juta setiap tahun untuk kelangsungan melaksanakan Mesyuarat Agung serta bayaran wajib seperti cukai pendapatan, zakat perniagaan, dividen anggota dan lain-lain. Sasaran keuntungan urusan koperasi adalah sebanyak RM2.5 juta setahun bagi membolehkan bayaran dividen anggota pada kadar 10% serta peruntukan CSR pada kadar RM400,000 setiap tahun.

Oleh yang demikian, di harap Pengurusan FELCRA Berhad dapat terus kekal memberi kepercayaan dan peluang kepada koperasi bagi melaksanakan kerja-kerja kontrak khususnya kerja-kerja tradisi yang telah dilaksanakan oleh koperasi saban tahun.

- vi. Koperasi telah dimaklumkan bahawa pihak FELCRA Berhad akan menganjurkan Karnival Sukan FELCRA 2025 pada bulan Julai. Pengurusan telah meluluskan peruntukan hampir 10 ribu bagi penganjuran program tersebut dan berharap program berjalan dengan jayanya.
- vii. Di kesempatan ini juga, beliau memohon kepada anggota koperasi agar terus memberi sokongan dengan membeli belah di kedai koperasi dan menyokong aktiviti yang dijalankan demi kejayaan koperasi.
- viii. Selain itu beliau bagi pihak Anggota Lembaga dan Pengurusan koperasi merakamkan ucapan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Penolong Pengarah Negeri FELCRA Berhad Perak (Seberang Perak), En. Rosni B. Saidin juga merangkap Yang Dipertua Koperasi atas kenaikan pangkat sebagai "*Caretaker*" Timbalan Pengarah Perancang FELCRA Berhad. Semoga beliau beroleh kejayaan lebih cemerlang di masa hadapan.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

- ix. Sebelum mengakhiri ucapan, Pengerusi Koperasi memohon pengurangan kadar sewa Dewan Besar FBSP sempena Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38.
- x. Bagi mengakhiri ucapan, Pengerusi Koperasi mengucapkan terima kasih kepada Tuan M Zaiful Anuar B. Zulkifli, Pengarah Negeri FELCRA Berhad Perak yang dapat meluangkan masa bersama dalam Majlis Perasmian MAT kali ke 38.

Terima kasih diucapkan kepada pihak FELCRA Berhad atas sokongan dan sentiasa memberikan kepercayaan kepada koperasi dalam pelaksanaan kerja-kerja kontrak di sekitar FELCRA Seberang Perak. Terima kasih juga atas kehadiran jemputan dan anggota yang hadir pada Majlis Perasmian hari ini dan memohon maaf jika terkasar bahasa.

Beliau mengucapkan selamat bermesyuarat kepada seluruh anggota koperasi dan mohon terus kekal di dalam dewan mesyuarat ini sehingga selesai semua agenda.

3.0 PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 38, TAHUN 2025.

- i. Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38, Tahun 2025 dirasmikan oleh Tuan M Zaiful Anuar B. Zulkifli, Pengarah Negeri FELCRA Berhad Perak yang berlangsung pada jam 09.30 pagi sehingga 11.00 pagi.
- ii. Beliau mengucapkan setinggi penghargaan atas kesudian koperasi menjemput beliau merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Kali Ke 38 dan tahniah kerana dapat mengadakan mesyuarat agung setiap tahun dengan jayanya.
- iii. Selain itu tahniah diucapkan kepada koperasi yang telah mendapat anugerah koperasi terbaik Sektor Pertanian & Asas Tani Negeri Perak dan tersenarai tempat ke-65 dalam 100 koperasi terbaik Malaysia tahun 2024.
- iv. Merujuk pada ucapan Pengerusi Koperasi yang memohon pengurangan kadar sewa Dewan Besar FBSP sempena mesyuarat agung hari ini, beliau telah mendapatkan pengesyoran daripada mantan Penolong Pengarah FELCRA Berhad Wilayah Perak (Seberang Perak) bahawa bersetuju memberikan kadar sewa sebanyak RM500 daripada sewa asal iaitu RM2,000.

- v. Seterusnya beliau mengajak kepada semua anggota untuk memberi sokongan berbelanja di premis niaga koperasi. Selain itu koperasi menganjurkan Program Jualan Rahmah yang memberi peluang kepada anggota membeli dengan harga yang murah.
- vi. Tuan M Zaiful Anuar B. Zulkifli, Pengarah Negeri FELCRA Berhad Perak mengakhiri ucapan dengan mendoakan koperasi sentiasa dilimpahi rezeki yang berpanjangan dan terus menjadi entiti yang menyumbang kepada masyarakat dan negara. Seterusnya beliau merasmikan Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38, Tahun 2025.
- vii. Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38, Tahun 2025 bermula pada jam 11.20 pagi.

**4.0 AGENDA 1 - MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI.
PENGUNDIAN UNTUK MEMILIH DAN MELANTIK ANGGOTA LEMBAGA
KOPERASI BAGI SESI PERKHIDMATAN 2025/2028, PENGUNDIAN
DIADAKAN SERENTAK DENGAN PROSES PENDAFTARAN KEHADIRAN ;**

- 1.1 Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) memaklumkan proses pengundian telah diadakan semasa sesi pendaftaran kehadiran bagi pemilihan dan perlantikan Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi perkhidmatan 2025/2028.
- 1.2 Kekosongan Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi perkhidmatan 2025/2028 yang perlu dilantik merujuk Seksyen 36(1) dalam Undang-Undang Kecil Koperasi adalah bagi kategori sebagaimana berikut iaitu :
 - i. 1 orang Anggota Lembaga dari Felcra Seberang Perak Bandar
 - ii. 1 orang Anggota Lembaga dari Felcra Seberang Perak 1, 2 & 16
 - iii. 2 orang Anggota Lembaga dari kategori Anak Anggota.

**5.0 AGENDA 2
PEMILIHAN Pengerusi Mesyuarat, Jika Yang Dipertua Tidak
Hadir.**

Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) memaklumkan bahawa En. Rosni B. Saidin, Penolong Pengarah Negeri FELCRA Berhad Seberang Perak merangkap Yang Dipertua Koperasi hanya hadir semasa Majlis Perasmian dan tidak hadir untuk sesi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38, Tahun 2025.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

Mesyuarat membuka sesi perlantikan Pengerusi Mesyuarat dari kalangan anggota. Tn. Hj. Zaman Huri B. Hj Karim (0948) mencadangkan melantik Tn. Hj. Abu Hanifah B. Md Said (0346) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 dan disokong oleh En. Abd Razak B. Mokhtar (A0200) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

6.0 AGENDA 3

UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 38, TAHUN 2025.

3.1 Pengerusi Mesyuarat, Tn. Hj. Abu Hanifah B. Md Said (0346) mengucapkan salam dan memulakan sesi mesyuarat. Beliau berharap mesyuarat dapat berjalan dengan lancar dan diminta anggota dapat kekal bersama sehingga ke penghujung mesyuarat.

Beliau memperingatkan etika semasa mesyuarat berlangsung iaitu sebarang pertanyaan, cadangan dan sokongan diminta anggota menyatakan nama, nombor anggota dan fasa penempatan dengan jelas.

Selain itu, beliau memohon anggota membahaskan perkara-perkara perlu mengikut turutan agenda agar perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar.

3.2 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan kehadiran anggota pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 adalah seramai 875 orang daripada jumlah keseluruhan anggota iaitu 1,815 orang. Manakala anggota yang tidak hadir adalah seramai 940 orang. Peratus kehadiran adalah sebanyak 48.21%.

7.0 AGENDA 4

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 37, TAHUN 2024 KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD YANG DIADAKAN PADA 25 JUN 2024.

4.1 Setiausaha Koperasi, En. Sallehuddin B. Abdullah (0477) membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 37, Tahun 2024 Koperasi Peserta - Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad yang telah diadakan pada 25 Jun 2024 seperti di dalam Buku Minit Mesyuarat pada muka surat 1 hingga 45.

- 4.2 En. Rezuan B. Husin (1067) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 37, Tahun 2024 Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad diterima dan disokong oleh En. Nur Amin B. Mohamad (A0128) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

8.0 AGENDA 5

MENIMBANG DAN MELULUSKAN KERTAS CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL ATAU ATURAN KOPERASI, TERDIRI DARI ;

5.1 KERTAS CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) KOPERASI.

5.1.1 Pengerusi Koperasi, En. Shamsuddin B. Yusof (0655) membentangkan Kertas Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad yang dicadangkan oleh Anggota Lembaga Koperasi seperti yang diedarkan bersama notis mesyuarat.

5.1.2 Terdapat 3 cadangan Pindaan UUK Koperasi iaitu pada perkara sebagaimana berikut :

1. UUK 9 (1). Aktiviti

UUK 9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut -

- (a) Menjalankan aktiviti-aktiviti berikut :
- i) pertanian dan yang berkaitan dengannya;
 - ii) kontrak pembangunan dan penyelenggaraan;
 - iii) pembekalan, pemprosesan dan pemasaran produk keluaran koperasi dan anggota;
 - iv) pembinaan, pembangunan hartanah dan perumahan;
 - v) pendorongan dan peruncitan;
 - vi) perikanan;
 - vii) penternakan;
 - viii) industri asas tani;
 - ix) tanaman herba, sayur-sayuran dan buah-buahan;
 - x) perladangan kelapa sawit;
 - xi) perkilangan, pembuatan dan industri kampung;



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

- xii) perkhidmatan kenderaan dan pengangkutan;
 - xiii) pemberian pinjaman dan kemudahan kredit;
 - xiv) pembangunan tanah untuk pertanian dan perladangan;
 - xv) perkhidmatan runding cara perniagaan kepada anggota;
 - xvi) perkhidmatan insurans;
 - xvii) perniagaan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu);
 - xviii) perkhidmatan kiriman wang;
 - xix) perkhidmatan agen pelancongan dan umrah;
 - xx) perniagaan stesen minyak;
 - xxi) penyewaan ruang dan bangunan;
 - xxii) restoren dan pembekalan makanan dan minuman;
 - xxiii) homestay;
 - xxiv) pusat belian hasil pertanian;
 - xxv) perniagaan secara atas talian;
 - xxvi) perniagaan kilang ais batu;
 - xxvii) Tiada
 - xxviii) Tiada
 - xxix) Tiada
- (b) Menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
 - (c) Membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
 - (d) Melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
 - (e) Mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya;
 - (f) Menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain;

UUK Pindaan

UUK 9 (1). Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut -

- (a) Menjalankan aktiviti berikut :
 - i) pertanian dan yang berkaitan dengannya;

- ii) kontrak pembangunan dan penyelenggaraan;
 - iii) pembekalan, pemprosesan dan pemasaran produk keluaran koperasi dan anggota;
 - iv) pembinaan, pembangunan hartanah dan perumahan;
 - v) pemborongan dan peruncitan;
 - vi) perikanan;
 - vii) penternakan;
 - viii) industri asas tani;
 - ix) tanaman herba, sayur- sayuran dan buah-buahan;
 - x) perladangan kelapa sawit;
 - xi) perkilangan, pembuatan dan industri kampung;
 - xii) perkhidmatan kenderaan dan pengangkutan;
 - xiii) pemberian pinjaman dan kemudahan kredit;
 - xiv) pembangunan tanah untuk pertanian dan perladangan;
 - xv) perkhidmatan runding cara perniagaan kepada anggota;
 - xvi) perkhidmatan insurans;
 - xvii) perniagaan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu);
 - xviii) perkhidmatan kiriman wang;
 - xix) perkhidmatan agen pelancongan dan umrah;
 - xx) perniagaan stesen minyak;
 - xxi) penyewaan ruang dan bangunan;
 - xxii) restoran dan pembekalan makanan dan minuman;
 - xxiii) homestay;
 - xxiv) pusat belian hasil pertanian;
 - xxv) perniagaan secara atas talian;
 - xxvi) perniagaan kilang ais batu;
 - xxvii) perkhidmatan dobi;**
 - xxviii) aktiviti penerbangan dan dron bagi tujuan pertanian;**
 - xxix) tapak semaian pertanian**
- (b) Menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
- (c) Membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

- (d) Melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
- (e) Mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (f) Menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain.

2. UUK 35. Kelayakan menjadi anggota Lembaga

UUK 35. (1) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia -

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
- (e) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun;
- (f) telah dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Kemajuan Projek Rancangan FELCRA Seberang Perak; atau
- (g) belum cukup melanggan syer RM2,500.00 pada tarikh pencalonan menurut fasal (1) undang-undang kecil 36.

UUK Pindaan

35. (1) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia -

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
- (e) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun;
- (f) "dimansuhkan"**
- (g) belum cukup melanggan syer RM2,500.00 pada tarikh pencalonan menurut fasal (1) undang-undang kecil 36.

3. UUK 50. Jawatankuasa Audit Dalaman

UUK 50. Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi empat orang, terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut pasal (g) undang-undang kecil 42 seperti berikut :-

- (a) dua orang anggota daripada FELCRA Bandar Seberang Perak;
- (b) satu orang anggota daripada FELCRA Seberang Perak 1, 2 & 16; dan
- (c) satu orang anggota daripada kalangan anak-anak anggota.

UUK Pindaan

50. Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi empat orang, terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut pasal (g) undang-undang kecil 42.

5.1.3 En. Miskandar B. Muhyat (0961) mencadangkan Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad yang dicadangkan oleh Anggota Lembaga Koperasi diterima dan disokong oleh En. Nur Amin B. Mohamad (A0128) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

5.2 KERTAS ATURAN PERKHIDMATAN DOBI LAYAN DIRI

5.2.1 Pengerusi Koperasi, En. Shamsuddin B. Yusof (0655) membentangkan Kertas Aturan Perkhidmatan Dobi Layan Diri Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad.

5.2.2 Tujuan aktiviti perkhidmatan dobi layan diri adalah untuk menyediakan perkhidmatan dobi dengan kadar bayaran yang munasabah untuk anggota dan bukan anggota koperasi.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

5.2.3 En. Darham B. Ijom (1742) meminta penjelasan lokasi Perkhidmatan Dobi Layan Diri yang akan ditubuhkan.

Pengerusi Koperasi menjelaskan lokasi kedai dobi yang dicadangkan adalah di tapak asal Coopcafe.

5.2.4 Pn. Salina Bt Hashim (A0074) mencadangkan Kertas Aturan Perkhidmatan Dobi Layan Diri Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad diterima dan disokong oleh En. Nur Amin B. Mohamad (A0128) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

9.0 AGENDA 6

MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN-LAPORAN IAITU:-

6.1 LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2024/2025.

6.1.1 Setiausaha Koperasi, En. Sallehuddin B. Abdullah (0477) membentangkan Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2024/2025 seperti di dalam Buku Laporan Tahunan pada muka surat 22 hingga 32.

6.1.2 Pn. Salina Bt Karim (A0084) mencadangkan Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2024/2025 diterima dan disokong oleh En. Nur Amin B. Mohamad (A0128) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

6.2 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2024/2025.

6.2.1 Ketua Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi (JKAD), En. Mat Noordin B. Ithnin (0803) membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2024/2025 seperti di dalam Buku Laporan Tahunan pada muka surat 34 hingga 36.

6.2.2 En. Mohd Amin B. Alifiah (A0073) mencadangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2024/2025 diterima dan disokong oleh Pn. Latipah Bt Azir (A0261) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

6.3 SURAT PANDANGAN PENERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023.

6.3.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan Surat Pandangan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di Bawah Subseksyen 59(2) Akta Koperasi 1993 Ke Atas Akaun-Akaun dan Kunci Kira-Kira Koperasi Berakhir pada 31 Disember 2023 tiada dibentangkan kerana belum diterima daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

6.4 SURAT PANDANGAN PENERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2024.

6.4.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan Surat Pandangan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di Bawah Subseksyen 59(2) Akta Koperasi 1993 Ke Atas Akaun-Akaun dan Kunci Kira-Kira Koperasi Berakhir pada 31 Disember 2024 tiada dibentangkan kerana belum diterima daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

10.0 AGENDA 7

MENIMBANG DAN MELULUSKAN MENGENAI AKAUN TERAUDIT, CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN DAN LAPORAN AUDIT LUAR BAGI AKAUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2024.

7.1 Bendahari Koperasi, En. Mohamed Annuar B. Shuib (0210) membentangkan Akaun Teraudit, Cadangan Pembahagian Keuntungan dan Laporan Audit Luar Bagi Akaun Kewangan Berakhir Pada 31 Disember 2024 seperti di dalam Buku Laporan Tahunan pada muka surat 38 hingga 97 adalah seperti berikut :

Honorarium Lembaga	-	RM 55,200.00
Kumpulan Wang Kebajikan Am	-	RM 100,000.00
Kumpulan Wang Tabung Pelaburan	-	RM 40,000.00
Kumpulan Wang Tabung Pendidikan	-	RM 40,000.00
Kumpulan Wang Tabung Khairat	-	RM 40,000.00
Kumpulan Wang Tabung Graduiti	-	RM 40,000.00
Kumpulan Wang Penebusan Syer	-	RM 40,000.00
Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	-	RM 40,000.00
Kumpulan Wang Tabung Pembiayaan	-	RM 0.00
Cadangan Dividen - 5%	-	RM 231,785.00



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

Peruntukan Zakat	-	RM 100,000.00
Peruntukan Cukai	-	RM 0.00

7.2 Keuntungan bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 ialah RM1,610,504.05. Baki keuntungan selepas pembahagian ialah sebanyak RM806,608.52 dan cadangan kadar dividen anggota koperasi sebanyak 5%.

7.3 Bendahari Koperasi menjelaskan merujuk pada ucapan Pengerusi Koperasi semasa Majlis Perasmian mencadangkan dividen anggota ditambah menjadi 7.5% dengan jumlah bayaran dividen sebanyak RM347,677.50.

7.4 En. Darham B. Ijom (1742) mencadangkan dividen anggota pada kadar 10%.

Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) mengulas cadangan dividen 10% tidak dapat dipertimbangkan kerana melibatkan aliran tunai yang besar. Selain itu kedudukan kewangan koperasi pada ketika ini sangat terhad. Namun demikian, beliau mencadangkan kadar dividen yang sesuai dan munasabah iaitu sebanyak 8%.

Beliau menjelaskan sekiranya urusan tahun 2025 mendapat keuntungan sehingga 2.0 juta cadangan dividen 10% akan dipertimbangkan.

En. Darham B. Ijom (1742) menyokong cadangan dividen anggota pada kadar 8%.

7.5 Pn. Rohani Bt Mohd Sapardi (A0279) meminta penjelasan mengenai beberapa perbelanjaan am yang meningkat berbanding tahun lalu iaitu seperti berikut :

- i) Belanja Mesyuarat Agung
- ii) Alatulis dan percetakan
- iii) Komisen dan duti setem
- iv) Penyelenggaraan bangunan

Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) menjelaskan sebab-sebab perbelanjaan am berikut meningkat iaitu :

- i) Belanja Mesyuarat Agung
Kos bagi kerja-kerja persiapan Mesyuarat Agung yang semakin meningkat.

- ii) Alatulis dan percetakan
Kos kelengkapan alatulis dan percetakan yang semakin meningkat.
- iii) Komisen dan duti setem
Caj bayaran setem hasil yang meningkat bagi semua kerja-kerja kontrak seperti Projek Teknikal, Projek Persawahan, Projek BTS dan lain-lain.
- iv) Penyelenggaraan bangunan
Kos selenggaraan pejabat seperti penggantian lampu dan penghawa dingin yang rosak, kerja mengecat bangunan, naiktaraf pendawaian elektrik dan lain-lain.

- 7.6 Pn. Rohani Bt Mohd Sapardi (A0279) mengulas hadiah cabutan bertuah menelan kos yang tinggi. Beliau mencadangkan hadiah utama iaitu Pakej Umrah hanya 1 unit agar sebahagian kos tersebut dapat digunakan untuk perbanyakkan kuantiti hadiah lain agar lebih ramai anggota berpeluang menerima hadiah bertuah.

Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) memaklumkan bahawa acara cabutan bertuah dikekalkan format sedia ada. Namun demikian, cadangan agar skop acara cabutan bertuah dibesarkan boleh dipertimbangkan.

- 7.7 En. Abu Bakar B. Abdul Halim (A0398) mencadangkan dividen anggota dikreditkan ke modal saham anggota bagi anggota yang bersetuju.

Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) menjelaskan koperasi pernah sebelum ini pembayaran dividen dibayar terus kepada anggota dan sebahagian dikreditkan ke modal saham anggota. Namun demikian, kaedah ini tidak diteruskan kerana terdapat anggota yang tidak bersetuju.

Walaupun, koperasi bersedia membuat pengesyoran kaedah pengagihan dividen anggota pada mesyuarat agung akan datang.

- 7.8 Pn. Latipah Bt Azir (A0261) mengesyorkan lebih peruntukan elaun anggota yang tidak hadir digunakan sebagai tambahan elaun kehadiran bagi anggota yang hadir.

Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) mengulas pengesyoran menggunakan lebih peruntukan elaun kehadiran diberikan sebagai tambahan kepada anggota yang hadir tidak digalakkan dan tidak dapat dilaksanakan.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

Walaupun, Anggota Lembaga Koperasi akan mempertimbangkan kenaikan elaun kehadiran anggota pada mesyuarat agung akan datang.

- 7.9 En. Mohd Fauzi B. Elias (A0192) mengesyorkan agar segala persoalan daripada anggota dijawab dan diperhalusi oleh Pengerusi Koperasi.

Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) mengulas bahawa tugas Lembaga secara umumnya termasuk mentadbir organisasi, menetapkan dasar, polisi dan matlamat koperasi. Manakala pengurusan koperasi adalah organisasi yang menjalankan sepenuhnya tugas harian. Namun demikian, teguran tersebut adalah baik dan akan dipertimbangkan.

- 7.10 Pn. Salina Bt Karim (A0084) mencadangkan Akaun Teraudit, Cadangan Pembahagian Keuntungan dan Laporan Audit Luar Bagi Akaun Kewangan Berakhir Pada 31 Disember 2024 dengan cadangan pindaan dividen anggota daripada 5% kepada 8% diterima dan disokong oleh En. Darham B. Ijom (1742) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

11.0 AGENDA 8

PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI SESI PERKHIDMATAN 2025-2028 OLEH KETUA JAWATANKUASA PENGUNDIAN, JIKA KEPUTUSAN TELAH DIPEROLEHI.

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat menjemput Ketua Jawatankuasa Pengundian iaitu Tn. Hj. Fakhrul Adabi B. Setu mengumumkan keputusan pemilihan Anggota Lembaga bagi sesi perkhidmatan 2025-2028.
- 8.2 Bagi pemilihan Anggota Lembaga Koperasi kategori Felcra Seberang Perak Bandar sesi perkhidmatan 2025-2028, terdapat 1 kekosongan dan calon yang telah menawarkan diri adalah seramai 1 orang telah menang tanpa bertanding iaitu sebagaimana berikut :

Bil. Nama calon

1. En. Sallehuddin B. Abdullah (0477)

8.3 Bagi pemilihan Anggota Lembaga Koperasi kategori Felcra Seberang Perak 1, 2 & 16 sesi perkhidmatan 2025-2028 terdapat 1 kekosongan dan calon yang telah menawarkan diri adalah seramai 3 orang telah bertanding iaitu nama calon dan jumlah undian sebagaimana berikut :

Bil.	Nama calon	Jumlah undi
1.	En. Rostam B. Yahya (0004)	77
2.	En. Jefri B. Mohd Nor (0255)	39
3.	Tn. Hj. Azhar B. Hj. Zainuddin (1545)	11

8.4 Keputusan undian jawatan Anggota Lembaga Koperasi kategori Felcra Seberang Perak 1, 2 & 16 sesi perkhidmatan 2025-2028 yang berjaya adalah seperti berikut :

Bil.	Nama calon	Jumlah undi
1.	En. Rostam B. Yahya (0004)	77

8.5 Bagi pemilihan Anggota Lembaga Koperasi kategori Anak Anggota sesi perkhidmatan 2025-2028 terdapat 2 kekosongan dan calon yang telah menawarkan diri adalah seramai 3 orang telah bertanding iaitu nama calon dan jumlah undian sebagaimana berikut :

Bil.	Nama calon	Jumlah undi
1.	En. Zammidi B. Ahmad (A0357)	148
2.	En. Mat Salleh B. Abdul Rahim (A0007)	143
3.	En. Mohd Azhar B. Suleiman (A0037)	139

8.6 Keputusan undian jawatan Anggota Lembaga Koperasi kategori Anak Anggota sesi perkhidmatan 2025-2028 yang berjaya adalah seperti berikut :

Bil.	Nama calon	Jumlah undi
1.	En. Zammidi B. Ahmad (A0357)	148
2.	En. Mat Salleh B. Abdul Rahim (A0007)	143

**12.0 AGENDA 9****MENIMBANG DAN MELULUSKAN KERTAS CADANGAN BELANJAWAN ATAU BAJET BAGI TAHUN 2026.**

- 9.1 Bendahari Koperasi, En. Mohamed Annuar B. Shuib (0210) membentangkan Kertas Cadangan Belanjawan atau Bajet Bagi Tahun 2026 seperti di dalam Buku Laporan Tahunan pada muka surat 100 hingga 104.
- 9.2 Pn. Rohani B. Mohd Sapardi (A0279) mengulas pada Projek Infra Sawah (Tersier) terdapat kenaikan bajet berbanding tahun 2025. Beliau meminta penjelasan maklumat terperinci mengenai aktiviti projek tersebut.

Pengerusi Koperasi menjelaskan aktiviti Projek Infra Sawah (Tersier) adalah pembekalan dan pemasangan longkang konkrit bagi kerja-kerja menaiktaraf sistem infrastruktur taliair estet padi FELCRA Berhad Seberang Perak.

Namun demikian telah 2 tahun koperasi tidak diberi anugerah perlaksanaan projek ini. Merujuk pada ucapan Pengerusi Koperasi semasa Majlis Perasmian sebentar tadi, dipohon pihak FELCRA Berhad mempertimbangkan agar Projek Infra Sawah (Tersier) di kawasan estet padi FELCRA Berhad Seberang Perak dikembalikan kepada koperasi.

- 9.3 Tn. Hj. Saiful Anuar B. Hj. Ayob (0049) mencadangkan Kertas Cadangan Belanjawan atau Bajet Bagi Tahun 2026 diterima dan disokong oleh Pn. Edah Bt Lee (1602) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

14.0 AGENDA 10**MELULUSKAN KERTAS CADANGAN PERUNTUKAN ELAUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN ATAU SARAAN PENGARAH SUBSIDIARI KOPERASI BAGI TAHUN 2026.**

- 10.1 Pengerusi Koperasi, En. Shamsuddin B. Yusof (0655) membentangkan Kertas Cadangan Peruntukan Elaun Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) atau Saraan Pengarah Subsidiari Koperasi Bagi Tahun 2026 seperti di dalam Buku Laporan Tahunan pada muka surat 106 hingga 108.

- 10.2 Tn. Hj. Saiful Anuar B. Hj. Ayob (0049) mencadangkan Peruntukan Elaun Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam atau Saraan Pengarah Subsidiari Koperasi Bagi Tahun 2026 diterima dan disokong oleh En. Mohamed Suffian B. Sungit (A0165) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

15.0 AGENDA 11

MELULUSKAN KERTAS CADANGAN PERLANTIKAN PANEL AUDIT LUAR BAGI AKAUN KEWANGAN KOPERASI BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2026.

- 11.1 Pengerusi Koperasi, En. Shamsuddin B. Yusof (0655) membentangkan Kertas Cadangan Perlantikan Panel Audit Luar Bagi Kewangan Berakhir 31 Disember 2026 seperti di dalam Buku Laporan Tahunan pada muka surat 110.
- 11.2 Anggota Lembaga Koperasi memohon kelulusan Anggota Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 agar diberi mandat memilih dan melantik Panel Audit Luar yang bersesuaian.
- 11.3 Pn. Rohani Bt Mohd Sapardi (A0279) mencadangkan Perlantikan Panel Audit Luar Bagi Kewangan Berakhir 31 Disember 2026 diberi mandat kepada Anggota Lembaga Koperasi membuat pilihan dan disokong oleh En. Darham B. Ijom (1742) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

16.0 AGENDA 12

MENIMBANG DAN MELULUSKAN KERTAS CADANGAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI BAGI TAHUN 2026.

- 12.1 Pengerusi Koperasi, En. Shamsuddin B. Yusof (0655) membentangkan Kertas Cadangan Skop dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan Koperasi Bagi Tahun 2026 sebanyak RM50 juta seperti di dalam Buku Laporan Tahunan pada muka surat 112 hingga 113.
- 12.2 En. Darham B. Ijom (1742) mencadangkan Skop dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan Koperasi Bagi Tahun 2026 sebanyak RM50 juta diterima dan disokong oleh Pn. Norazizan Bt Abdullah (1511) serta dipersetujui dengan sebulat suara.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

17.0 AGENDA 13

MENENTUKAN DAN MELULUSKAN KERTAS CADANGAN HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN KOPERASI BAGI TAHUN 2026.

- 13.1 Pengerusi Koperasi, En. Shamsuddin B. Yusof (0655) membentangkan Kertas Cadangan Had Maksima Keterhutangan Koperasi Bagi Tahun 2026 sehingga RM50 juta seperti di dalam Buku Laporan Tahunan pada muka surat 116.
- 13.2 Pn. Edah Bt Lee (1602) mencadangkan Kertas Cadangan Had Maksima Keterhutangan Koperasi Bagi Tahun 2026 sehingga RM50 juta diterima dan disokong oleh En. Jaafar B. Mat Saad (0382) serta dipersetujui dengan sebulat suara.

18.0 AGENDA 14

MELANTIK 6 ORANG ANGGOTA KOPERASI DAN 4 ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA MENENTUSAH DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 38.

- 14.1 Pengerusi Mesyuarat meminta anggota mengemukakan cadangan nama calon sebagai Ahli Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38.
- 14.2 En. Mior Abdul Rahman B. Zubri (A0282) menawarkan diri sebagai ahli jawatankuasa yang pertama (1).
- 14.3 Pn. Norazizan Bt Abdullah (1511) mencadangkan Pn. Edah Bt Lee (1602) sebagai ahli jawatankuasa yang kedua (2).
- 14.4 Tn. Hj. Saiful Anuar B. Hj. Ayob (0049) mencadangkan En. Abdul Haris B. Osman (0200) sebagai ahli jawatankuasa yang ketiga (3).
- 14.5 Pn. Aiashah Bt Mokhtar (A0232) mencadangkan Pn. Jamaliah Bt Mokhtar (A0236) sebagai ahli jawatankuasa yang keempat (4).
- 14.6 Tn. Hj. Saiful Anuar B. Hj. Ayob (0049) mencadangkan En. Amir Rashid B. Arsad (0043) sebagai ahli jawatankuasa yang kelima (5).
- 14.7 Pn. Norazizan Bt Abdullah (1511) mencadangkan En. Mohd Azhar B. Suleiman (A0037) sebagai ahli jawatankuasa yang keenam (6).

14.8 Bahawa mesyuarat menerima dan meluluskan dengan sebulat suara cadangan perlantikan Ahli Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 iaitu sebagaimana berikut :

1. En. Mior Abdul Rahman B. Zubri (A0282)
2. Pn. Edah Bt Lee (1602)
3. En. Abdul Haris B. Osman (0200)
4. Pn. Jamaliah Bt Mokhtar (A0236)
5. En. Amir Rashid B. Arsad (0043)
6. En. Mohd Azhar B. Suleiman (A0037)

14.9 Empat (4) orang wakil daripada Anggota Lembaga Koperasi sebagai Ahli Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 akan dilantik melalui Mesyuarat Khas Anggota Lembaga Koperasi bil. 01 sesi 2025/2026 yang akan diadakan selepas Mesyuarat Agung selesai.

19.0 AGENDA 15

MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN SEBARANG ADUAN ANGGOTA - ANGGOTA SETELAH MENGEMUKAKAN 14 HARI NOTIS SEBELUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEPADA KOPERASI, JIKA ADA.

Tiada.

20.0 AGENDA 16

MELULUSKAN SEBARANG PERBELANJAAN BAGI PERLANTIKAN KOMPETEN MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2026 JIKA ADA.

Tiada

21.0 AGENDA 17

MENIMBANG DAN MELULUSKAN LAPORAN - LAPORAN MENURUT KEHENDAK AKTA DAN PERATURAN;

17.1 KERTAS USUL-USUL ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI SESI 2024/2025, JIKA ADA.

Tiada



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

17.2 KERTAS USUL-USUL ANGGOTA KOPERASI BERTULIS BAGI TAHUN 2025.

17.2.1 Setiausaha Koperasi, En. Sallehuddin B. Abdullah (0477) meminta pengusul membentangkan Kertas Usul Anggota Koperasi bagi tahun 2025.

17.2.2 Terdapat seorang anggota telah menghantar usul iaitu daripada Tn. Hj. Saiful Anuar B. Hj. Ayob (0049). Beliau tampil membuat pembentangan usul iaitu seperti berikut :

- i. Mencadangkan mendirikan khemah di hadapan pejabat koperasi untuk kegunaan sendiri atau untuk disewakan. Contoh khemah seperti di Masjid Al-Ansar FBSP.

17.2.3 Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) menjelaskan cadangan yang baik dan akan dipertimbangkan.

17.3 PERKARA BERBANGKIT / ISU - ISU YANG BERBANGKIT DALAM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN.

17.3.1 En. Osman B. Yussop (0213) meminta penjelasan mengenai perkara berikut iaitu :

- i- Aktiviti yang dijalankan di tapak sawah berhampiran Kilang Beras Bernas Changkat Lada.
- ii- Aktiviti yang dijalankan di tapak tanah Sg. Dedap Felcra Seberang Perak 1, 2 & 16.

17.3.2 Pengurus Besar Koperasi, Tn. Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop (A0006) menjelaskan mengenai pertanyaan berikut iaitu :

- i- Koperasi melaksanakan aktiviti Pusat Pengumpulan Hasil Padi dan Jambatan Timbang (Weight Bridge) milik koperasi di tapak sawah yang disewa daripada En. Abd Raof B. Abd Rashid seluas 0.561 hektar dengan bayaran sewaan sebanyak RM500 sebulan selama 30 tahun.

- ii- Koperasi melaksanakan projek Taman Herba dan Kacip Fatimah di tanah Sg. Dedap, Felcra Seberang Perak 1, 2 & 16 seluas 10 ekar menggunakan peruntukan geran yang dianugerahkan oleh FELCRA Bhd. Selain itu koperasi dalam tindakan menjalankan projek tanaman kelapa pandan sebagai aktiviti sampingan di tanah tersebut.

22.0 AGENDA 18

PENANGGUHAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 38 OLEH :

Pengerusi Mesyuarat, Tn. Hj. Abu Hanifah B. Hj. Md Said mengucapkan tahniah kepada Anggota Lembaga dan semua yang terlibat dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 dengan jayanya dan lancar.

Beliau memohon maaf jika terkasar bahasa di sepanjang pengendalian mesyuarat kali ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.40 petang.

Disediakan oleh :



.....
(Khairus Bt Abu Shaaid)
Pencatat Minit

Disemak oleh :



.....
(Hj. Mior Shahrin B. Hj. Mior Mohd Yusop, AMP., PPT.)
Pengurus Besar Koperasi

Disemak oleh :



.....
(Shamsuddin B. Yusof, PPT.)
Pengerusi Koperasi

Disemak oleh :













.....
(Sallehuddin B. Abdullah)
Setiausaha Koperasi



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 yang bermesyuarat pada 24 Jun 2025 disahkan benar sebagaimana disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 38 pada 18 Julai 2025 dan diperturunkan tandatangan di bawah :

Bil.	Nama Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit	Tandatangan
1.	En. Mohamed Annuar B. Shuib (0210)	
2.	En. Othman Ali B. Mohd Hashim (1071)	
3.	En. Abd Razak B. Hj. Mokhtar (A0200)	
4.	En. Mat Salleh B. Abdul Rahim, PPT. (A0007)	
5.	En. Mior Abdul Rahman B. Zubri (A0282)	
6.	Pn. Edah Bt Lee (1602)	
7.	En. Abdul Haris B. Osman (0200)	
8.	Pn. Jamaliah Bt Hj. Mokhtar (A0236)	
9.	En. Amir Rashid B. Arsad (0043)	
10.	En. Mohd Azhar B. Suleiman (A0037)	

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD



27

SENARAI KEHADIRAN ANGGOTA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-38 KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

TARIKH MESYUARAT: 24/06/2025 (SELASA)

TEMPAT: DEWAN BESAR, FELCRA SEBERANG PERAK

BIL	NAMA ANGGOTA	NO K/P	NO ANGGOTA
1	ENCIK ADOL BIN TUGANAL	521224085917	425
2	ENCIK ALIAS BIN IBRAHIM	681029086407	928
3	PN ARBAYAH BINTI KAAB	470415085904	132
4	PN ASENAH BINTI KAAB	540514085812	133
5	PN ASIAH BINTI LEE	550617085726	462
6	ENCIK AZMAN BIN ABDULLAH	690509086013	355
7	ENCIK AZMAN BIN LI	760627085549	416
8	ENCIK BAHARI BIN PANDAK	730210086469	372
9	PN ENDUN BINTI MAT WAZID	521102086110	505
10	PN FATIMAH BINTI ISMAIL	480823085144	414
11	PN HALIMAH BINTI MAHMUD	540723085974	685
12	ENCIK HAMIDI BIN HUSSIN	670612085985	386
13	PN HAMSIAH BINTI MOHAMAD ALI	501228085422	582
14	PN INSON BINTI TAIS	430917085174	418
15	ENCIK JAAPAR BIN MAT SAAD	490412085253	382
16	ENCIK JAMALUDDIN BIN MAT MOKHTAR	581022085489	459
17	PN JAMAYAH BINTI IBRAHIM	490721085206	8
18	PM JAMILAH BINTI UTOH HASSAN	741108086474	806
19	ENCIK KAMAROHIM BIN KASIRIN	470917105231	726
20	PN KUTUM BINTI ABD RASHID	450105085046	492
21	PN MAIMUNAH BINTI ABDUL RAHMAN	521230085702	136
22	PN MAIMUNAH BINTI NEK	690729085338	945
23	PN MAZIAH BINTI DIN	621121085488	1005
24	PN MAZLINA BINTI DARUS	781207086126	445
25	ENCIK MOHAMMAD FAIZAN BIN MOHAMAD RAPIE	890515086585	460
26	ENCIK MOHD AZLAN BIN MOHD TAHRIN	810524086445	279
27	PN MUSLAMAH BINTI HARUN	490413085730	474
28	PN NOOR AISHAH BINTI LAHAMAT	521014086372	373



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

29	PN NOOR HAYATI BINTI ABU KOHOR	590206085402	292
30	PN NORHAMUDAH BINTI TOLA	931025085596	400
31	PN NORRIZAN BINTI ABD KARIM	730604085362	622
32	ENCIK PUTEH BIN ABU BAKAR	540910086165	957
33	PN RAHIMAH BINTI ARIFFIN	610101086236	7
34	PN RAHMAH BINTI BIDIN	580621085064	270
35	PN RAMLAH BINTI SAID	550705085988	1038
36	PN ROKIAH BINTI SOHOR @ MOHD SOHOR	530424065210	164
37	ENCIK ROSLAN BIN MAT SAID	690730086311	374
38	ENCIK ROSMIZAL BIN ZAMZURI	810926086739	338
39	PN SAAIDAH BINTI ALIAS	591125086440	983
40	PN SARIPAH BINTI NAWAWI	501010085956	718
41	ENCIK SHOIB BIN HUSIN	450731085289	265
42	PN SITI JAHARAH BINTI SAID JABAR	490122085554	146
43	PN SURAYA BINTI MAHIDIN	660731085364	413
44	PN ZALEHA BINTI YEOP SOHOR	471025085540	289
45	PN ZAMZILAH BINTI EMBI	811012086390	345
46	ENCIK ZULKEFLI BIN ADRIS	640619086369	137
47	ENCIK ABDUL RANI BIN ABDUL WAHAB	500221085409	1242
48	ENCIK ABDUL RASHID BIN ZUL	530125085799	417
49	PN CHE YAN BINTI CHU	470528085142	123
50	PN EMAH BINTI JAHARA	520802085480	436
51	PN FARULLIZA BINTI HARUN	810318085054	466
52	PN HAMSIAH BINTI ABD AZIZ	560920085912	158
53	ENCIK HASSAN BIN SHAFIE	640320085951	376
54	PN HAWIYAH BINTI ABDUL RAHMAN	470415085066	398
55	PN JEMIAH BINTI KADIR	470909085568	152
56	PN JULIAH BINTI ISMAIL	790727086220	409
57	ENCIK KAMARUDDIN BIN ALI OTHMAN	790928086569	391
58	PN LAILATUN NORA BINTI IDRIS	820407085792	157
59	PN LATIPAH BINTI ABDULLAH	720522085730	145
60	PN MAIZATON AKMAM BINTI RAFIEE @ KAMARUDDIN	680305085810	478

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 38

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD



61	PN MAZNAH BINTI YUSOF	690419085412	457
62	ENCIK MD NOR BIN ABD KARIM	441206085091	380
63	PN MEE BINTI JUSI	470815086498	364
64	ENCIK MEGAT MOHAMAD DAHARI BIN MEGAT JAMALUDIN	781102086787	365
65	ENCIK MOHAMAD ROSLAN BIN JAAFAR	681005086197	359
66	ENCIK MOHD AZRI BIN ZABRI	800628085237	415
67	ENCIK MOHD RAMLEE BIN MOHD IZAT	680805086473	185
68	ENCIK MOHD SOOID @ HARUN BIN ZAKARIA	471220085589	335
69	ENCIK MOHD ZAMAN BIN ALANG MAHMOD	561117085061	742
70	ENCIK MUDASIR BIN SHAIHONE	620103085471	469
71	ENCIK MUHAMMAD NUR TAUFIQ BIN ABDUL WAHAB	890925086457	139
72	PN NOOR AINI BINTI RAMBALI	700226085332	147
73	PN NOOR HASMANI BINTI ABDUL HALIM	850505086008	390
74	PN NOR BINTI ABU HASSAN	431010085584	483
75	PN NOR CHAHAYA BINTI BAHAUDIN	810512085752	169
76	PN NOR SALIHA BINTI MOHAMAD ROSE	730204086374	411
77	PN NOREHAN BINTI ISA	550827086102	377
78	PN NORHAFIZAH BINTI MOHAMED NAZARI	780818086200	465
79	PN NORIDAH BINTI ZAINI	751102105768	284
80	ENCIK NORRUL FAIZAL BIN MOHAMED ALI FIAH	800623085377	500
81	ENCIK RAJA ISMAIL BIN LEMAN	750512086411	405
82	ENCIK RAMLEE BIN YAHAYA	710310086775	142
83	PN ROGAYAH BINTI AHMAD NASIR	850424086014	156
84	PN ROHANI BINTI DIN	670613086306	439
85	ENCIK ROSLAN BIN ABDULLAH	851107086795	494
86	PN ROSLI BINTI NORDIN	690217086126	442
87	PN SAERAH BINTI KUSSIN	570107085062	424
88	PN SALMAH BINTI CHE OM	650617085898	366
89	PN SOM BINTI YANG	420528085796	443
